

25 MAR 2003

Vietnam-SARS/I

PEKERJA VIETNAM BEBAS SARS, KATA DUTA

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Pekerja Vietnam yang bekerja di negara ini di dapati bebas daripada radang paru-paru luar biasa, penyakit yang telah meragut banyak nyawa di seluruh dunia, kata Duta Besar Vietnam ke Malaysia, Tran Tron Toan, hari ini.

Beliau berkata pekerja Vietnam di Malaysia telah menjalani rawatan perubatan lengkap bagi memastikan mereka bebas daripada Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Bercakap kepada pemberita di Kedutaan Vietnam di sini, beliau berkata penyakit SARS di negaranya terkawal dan puncanya juga sudah dikenal pasti.

"Kami telah menjalankan pemeriksaan menyeluruh ke atas para pekerja. Pekerja yang datang ke sini juga bukan dari bandar Hanoi, mereka datang dari kawasan luar bandar yang tidak terjejas dengan penyakit itu.

"Penyakit berkenaan hanya dikesan di hospital di Hanoi dan bukan di bandar-bandar lain," katanya pada sidang media mengenai ulangtahun ke-30 hubungan diplomatik antara Malaysia dan Vietnam.

Toan berkata tidak ada lagi pesakit yang dirawat di hospital di negara itu ketika ini dan mereka yang dijangkiti SARS akan diberi rawatan perubatan serta-merta.

"Jadi, pelawat tida perlu bimbang mengenai situasi itu ketika melawat Vietnam," katanya.

Mengenai pekerja yang dihantar ke luar negara, Toan berkata kebanyakan mereka bekerja dalam sektor pengilangan dan pembinaan. Mereka sangat gembira bekerja di Malaysia dan kerajaan (Vietnam) sedang berusaha mengajar mereka, terutama penguasaan bahasa Inggeris.

Mengenai perang di Iraq, beliau berkata sebagai sebuah negara yang pernah terbabit dalam peperangan sebelum ini, Vietnam telah kehilangan masa berharga akibat perang menyelamatkan negara dan kemerdekaan menentang pencerobohan dan dominasi kuasa asing.

Menurutnya tiada apa yang lebih berharga daripada kemerdekaan dan kebebasan yang membolehkan rakyat hidup dengan aman.

"Perang bererti menjadikan hidup sengsara terutama wanita dan kanak-kanak. Vietnam ingin menegaskan bahawa perang bukan penyelesaian kepada krisis kerana rakyat mahu hidup dalam keadaan aman," katanya.

Beliau memuji pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang menentang peperangan terutama semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Malaysia, bulan lepas.

Mengenai hubungan diplomatik yang telah terjalin sejak 30 tahun antara Vietnam dan Malaysia, Toan berkata mulai sekarang hingga April, pelbagai program pertukaran dan aktiviti akan dijayakan seperti perbincangan dan mesyuarat di kalangan pemimpin.

Beliau berkata kebanyakan acara akan diadakan di Hanoi dan kedua-dua negara kini giat menyusun pelbagai aktiviti bagi memperingati tarikh itu.

"Sejarah hubungan Vietnam-Malaysia bermula pada 30 Mac, 1973. Sejak itu, hubungan antara kedua-dua negara terus berkembang dalam pelbagai bidang," katanya.

Toan berkata ketika Vietnam mendapat kemerdekaan sepenuhnya pada 30 April, 1975 dan penyatuan semula negara dengan nama baru Republik Sosialis Vietnam pada 1976, Malaysia merupakan antara negara pertama yang memperakui Vietnam bersatu itu.

Toan berkata rakyat dan kerajaan Vietnam mengucapkan tahniah kepada Malaysia kerana menganjurkan sidang kemuncak NAM dengan jayanya dan Vietnam

perlu banyak belajar daripada pengalaman Malaysia, terutama dalam pembangunan ekonomi dan sumber manusia serta pemuliharaan alam sekitar.

Beliau berkata negara itu juga kagum dengan kejayaan yang dicapai Malaysia dan Vietnam cuba mengikuti langkah Malaysia untuk berusaha sebaik mungkin bagi mencapai objektif sosio-ekonomi.

Toan berkata negara itu juga menggalakkan pelajarannya melanjutkan pelajaran tinggi di Malaysia yang menawarkan pendidikan yang mampu dibiayai dan berkualiti selain menyediakan latihan yang baik dalam bidang Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT).

Pada masa ini, katanya terdapat lebih 100 pelajar Vietnam di universiti-universiti di Malaysia.

"Kini ramai pelajar Vietnam menunjukkan minat mereka untuk melanjutkan pelajaran di sini. Kami juga menggalakkan mereka belajar di sini bagi mengambil peluang ke atas pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh Malaysia.

-- BERNAMA

SSA KAT AHH LAT